

# Pesta buku galak masyarakat membaca

Membaca adalah jambatan ilmu. Itulah kata-kata hikmah dan kunci kepada kita untuk membaca dan terus membaca. Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, dapat dilihat bahawa peningkatan minat dan tarikan untuk membaca buku semakin meningkat dan disambut baik oleh masyarakat Malaysia.

Pesta buku seperti ini bukan lagi calang-calang aktiviti ataupun pesta, tetapi ia adalah acara tahunan yang menerima jutaan pengunjung yang datang ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Ini dapat dilihat pada tahun lalu, 1.5 juta pengunjung. Pesta pada tahun ini yang bermula Sabtu lalu hingga 4 Mei ini pula menyaksikan 1.7 juta pengunjung.

## Rakyat semakin minat membaca

Ini membuktikan rakyat Malaysia semakin minat dan suka terhadap budaya membaca. Pesta Buku Antarabangsa seperti ini adalah inisiatif yang kreatif dan harus dipuji kerana menjadi ikon dan nadi kepada dunia penerbitan serta pembukuan di Malaysia.

Melalui aktiviti seperti ini, ibu bapa seharusnya mendorong anak mereka mengunjung pesta buku dan memberi galakan untuk membaca. Anak adalah bakal pemimpin kepada negara kelak, oleh itu, jiwa mereka harus diisi dengan ilmu dan pengetahuan yang membentuk pemikiran kritis dan kreatif serta membentuk pemimpin yang proaktif pada masa akan datang.

## Pupuk minat membaca

Peranan semua pihak boleh memupuk minat membaca dari semua peringkat umur. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur menyediakan buku dari pelbagai sudut seperti ruang komik dan novel, hentian rehat dan baca untuk pengunjung. Ini memberi kesedaran kepada semua untuk menghargai dan memenuhi masa lapang dengan membaca.

Pengunjung yang mempunyai minat membaca komik berpeluang meneroka pengalaman menghasilkan komik yang dikongsikan oleh pelukis dan penerbit komik tanah air.

Berbeza pula bagi mereka yang meminati novel, mereka boleh mendapatkan himpunan novel



Pesta Buku Antarabangsa di PWTC menarik pengunjung semua peringkat umur.

[GAMBAR HIASAN]

terkini dan laris dari pelbagai penulis seperti Aisya Sofea, Anis Ayuni, Nor Hayati Ibrahim dan berbeza penerbitan seperti Alaf21, Kaki Novel, Buku Prima dan sebagainya.

Ini memudahkan mereka mendapatkan novel yang diminati sebagai koleksi dan bahan untuk membaca pada waktu lapang.

Bagi pengunjung lain pula, mereka juga disediakan buku ilmiah serta hentian rehat dan baca un-

## FAKTA NOMBOR

# 1.7 juta

Sasaran pengunjung Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

tuk memberi ruang dan peluang kepada pengunjung berehat dan bersantai sambil membaca buku diminati.

Pesta Buku Antarabangsa adalah jalan mengajak masyarakat memupuk minat membaca. Bak kata hikmat Charles Cahier 'kejayaan tidak datang dari manusia yang leka.'

**Raja Siti Zaharah  
Raja Ismail,**  
Universiti Sains Islam Malaysia